



Ruj. Kami : JPA.(S)500-4/6/12 (39)
Tarikh : 3 Jun 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/Datin/ Tuan/ Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N36 KE GRED N40
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi jawatan di atas dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan maklumat Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N36 yang layak dipertimbangkan permohonan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N36 **pada 31 Disember 2015 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N36 berubah ke tarikh 1 Januari 2016 dan seterusnya;**
- 2.3 Markah LNPT tahun terkini (2021) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2019, 2020 dan 2021) tidak kurang **80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

...2/

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti disertakan. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melengkapkan maklumat pegawai terlibat berdasarkan kepada format yang dilampirkan di **Lampiran E** dan mengemukakannya ke Jabatan ini di alamat e-mel seperti di perenggan 5 dan juga mengemukakan semua **Lampiran (A, B, C dan D)** berkenaan **sebelum atau pada 8 Julai 2022** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian/ Jabatan/ Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan perlu untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **perenggan 2 sahaja dikemukakan kepada Jabatan ini**. Selain itu, BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan di proses**.

5. Sebarang pertanyaan berhubung dengan urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai berikut:

- | | | |
|---|---|--------------|
| (i) Puan Haslina binti Awang Din
(e-mel : haslina.din@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4351 |
| (ii) Encik Muhd Syukor bin Abdul Hamid
(e-mel : syukor.hamid@jpa.gov.my) | - | 03-8885 4171 |

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN"

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Timbalan Pengarah
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my